

**Bil. 32**

**Rabu**

**14 November 2018**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Pembinaan Menggantikan Jambatan Sungai Mabuk ke FELDA Bukit Kuantan, Kuantan (FT 1846) Pahang**  
- *YB. Tuan Mohd Shahr bin Abdullah (Paya Besar)* [Halaman 1]
- **Prasarana Kawasan FELDA**  
- *YB. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Kota Tinggi)* [Halaman 4]

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

**Rabu, 14 November 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Isu Pembinaan Menggantikan Jambatan Sungai Mabuk  
ke FELDA Bukit Kuantan, Kuantan (FT 1846) Pahang**

**2.34 ptg.**

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-pertua, *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin membangkitkan isu pembinaan bagi menggantikan Jambatan Sungai Mabuk ke FELDA Bukit Kuantan, Kuantan Pahang. Isu setempat yang saya bangkitkan ini berhubung kait dengan kemudahan infrastruktur harian rakyat Paya Besar khususnya masyarakat di Dewan Undangan Negeri kawasan Sungai Lembing.

Untuk makluman, Jambatan Sungai Mabuk yang sedia ada merupakan jalan perhubungan utama bagi penduduk di Kawasan Sungai Lembing. Antara kawasan-kawasan tumpuan merangkumi FELDA Bukit Goh, FELDA Bukit Kuantan dan FELDA Bukit Sagu meliputi populasi keseluruhan seramai 25,000 orang penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, Jambatan Sungai Mabuk berperanan sebagai penghubung utama Daerah Kuantan dari Kawasan Sungai Lembing. Jambatan ini semakin berperanan besar apabila wujudnya Lebuh raya Pantai Timur (LPT) yang mula beroperasi dan mempunyai susur masuk dan keluar berhampiran dengan jambatan ini. Ia seterusnya mengakibatkan pembukaan jalan baru dan aliran trafik semakin bertambah seterusnya

menyebabkan bilangan kenderaan yang menggunakan jambatan ini semakin bertambah, termasuklah kenderaan-kenderaan berat seperti bas dan lori-lori besar.

Namun begitu, keadaan jambatan ini dilihat amat membahayakan pengguna kerana keadaan fizikal yang berbukit dan tidak praktikal untuk pengguna. Sejak jambatan ini beroperasi pada tahun 1970-an, sudah banyak kes kemalangan berlaku termasuklah kemalangan yang mengakibatkan kehilangan nyawa. Disebabkan reka bentuk jambatan tersebut yang tidak rata atau berbukit, lori-lori besar seperti lori simen, dari Pahang *cement*, lori tangki kebanyakannya tidak mampu untuk mendaki melepasi bukit tersebut dan terpaksa *reverse* (dengan izin) semula. Keadaan ini akan membahayakan kenderaan kecil seperti kereta-kereta yang berada di belakang lori tersebut.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terdahulu telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM25 juta untuk membina jambatan baharu menggantikan Jambatan Sungai Mabuk. Saya juga telah dimaklumkan bahawa proses perolehan tender projek ini telah ditutup pada 14 Mei 2018 dan masih menunggu keputusan perolehan tersebut dari Ibu Pejabat JKR Malaysia. Justeru, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah status terkini perkembangan projek tersebut? Bilakah kontraktor yang terpilih dalam proses perolehan akan masuk tapak dan memulakan kerja-kerja pembinaan. Saya juga ingin tahu apakah jadual kerja pembinaan jambatan baharu ini mengambil kira tempoh pembinaan, kos sebenar, reka bentuk dan jangkaan siap memandangkan ia perlu dimaklumkan kepada rakyat khususnya di kawasan Paya Besar. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

### **2.37 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Saya berasa berbesar hati dapat bersama di mesyuarat Kamar Khas di Parlimen pada hari ini untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Paya Besar, seorang Ahli Parlimen yang sangat aktif. Saya ingat lagi, penggulungan Kajian Separuh Penggal Yang Kesebelas oleh Yang Berhormat Menteri kami pada 31 Oktober yang lalu.

Yang Berhormat Paya Besar telah pun menimbulkan isu ini, isu pembinaan menggantikan jambatan Sungai Mabuk ke FELDA Bukit Kuantan (FT1846 Pahang). Sewaktu itu Yang Berhormat Menteri kami tidak sempat hendak memberikan yang sepenuhnya yang berkait dengan apa yang disoal oleh Yang Berhormat. Oleh itu, pada hari, adalah jawapan bertulis daripada kementerian kepada Yang Berhormat dan kita pun memang berharap sangat supaya projek ini dapat berjalan dengan 'se berjalan' dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kerja Raya mengambil maklum akan isu setempat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung kait dengan kemudahan infrastruktur harian rakyat Paya Besar, khususnya masyarakat di DUN Sungai Lembing.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, Jambatan Sungai Mabuk ini telah dibuka pada tahun 1970 dan sudah tidak praktikal lagi dari segi keselamatan dan aliran trafik pada masa ini kita sudah masuk *million* yang baru. Tahun 1970 itu zaman saya hendak masuk kolej, sekarang sudah jadi orang tua. Jadi, memanglah kita sedar bahawa Jambatan Sungai Merbuk ini sudah tidak begitu praktikal lagi dari segi keselamatan dan aliran trafik pada masa kini.

■1440

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Menggantikan Jambatan Sungai Mabuk (FF831/002/00), laluan FT1486, Kuantan, Pahang telah diluluskan di bawah *Rolling Plan 2* (RP2), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan kos projek seperti Yang Berhormat sebutkan tadi sebanyak RM24 juta. Antara skop projek tersebut adalah untuk menggantikan jambatan sedia ada mengikut piawaian JKR R5 jalan tunggal dua lorong (*single carriageway*) sepanjang 110 meter, menaik taraf jalan tuju sepanjang 510 meter, pengalihan utiliti (PAIP, TM, TNB, telco) dan juga melibatkan pengambilan tanah. Projek ini telah ditender pada April 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan kepada keputusan sesi libat urus bagi perolehan yang belum keluar surat setuju terima (SST) dan menerusi surat Kementerian Kewangan (MoF) bertarikh 3 Ogos 2018 telah bahawa projek ini akan diteruskan dan dilaksanakan tetapi secara tender terbuka. Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang dalam tindakan pelaksanaan tender semula projek ini dan dijangka akan dibuka pada suku pertama tahun hadapan. Tahun hadapan hanya beberapa hari sahaja lagi, ertinya dalam sekitar bulan Februari Yang Berhormat, sekitar bulan Februari kita akan tender semula.

Sahabat-sahabat dahulu yang telah masuk tender boleh masuk kembali. Pembinaan Jambatan Sungai Mabuk ini dijangka akan mengambil masa selama dua tahun. Saya percaya tiada yang harus dibimbangkan oleh Yang Berhormat. Benda sudah lulus, cuma kena berlaku peralihan kerajaan tempoh harilah. Itu sahaja yang melambatkan. Apabila kerajaan baru mengambil alih membuat keputusan supaya semua projek yang belum tinggal landas itu semuanya harus ditender semula di bawah dasar tender terbuka.

Saya percaya, *insya-Allah*, siapa pun yang akan diberikan tugas ini akan melaksanakan dengan baik walaupun banyak juga kalangan mengatakan bahawa mengapa

kuat sangat hendak pegang kepada open tender, bukankah secara *direct negotiation* juga banyak projek boleh berjalan dengan baik. Akan tetapi kita pun tahu bahawa pada masa-masa yang lalu berlaku juga keadaan di mana bila orang dapat tender itu, dapat projek, dia sub pula projek itu kepada orang lain, orang lain itu pula sub pula kepada orang lain. Kadang-kadang akhirnya, jadi lagi lambat. Jadi projek sakit terus, tidak boleh *take off*.

Saya percaya kita lihat dalam konsep open tender yang kita akan amalkan sekarang, mudah-mudahan projek akan jalan cepat, tidak lagi tertangguh, kita tidak mahu lagi melihat banyak projek-projek sakit. Apatah lagi kalau yang dapat projek itu banyak orang yang sama. Dia tidak terbuat, banyak sangat. Jadi sekarang dia buat dasar keterbukaan, dasar yang liberal supaya semua orang dapat syer bersama di negara ini. Saya percaya kita akan mendapat manfaatnya.

Terima kasih Yang Berhormat kerana sekali lagi dan terus mengemukakan soalan ini. Selagi tidak siap, selagi tidak siap, selagi itu tidak terlintas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

### **Prasarana Kawasan FELDA**

#### **2.46 ptg.**

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap jawapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi ini, sebaik Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Tuan Yang di-Pertua, usul saya ini pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membawa perkara berkaitan dengan FELDA, sudah tentu kawasan saya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi mengenai menaik prasarana di kawasan FELDA di dalam kawasan Parlimen Kota Tinggi (P.156). Jadi harap jawapan Yang Berhormat Menteri fokus kepada P156.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, di Parlimen Kota Tinggi, terdapat 12 Tanah Rancangan FELDA, yang sudah JKKK (4 FELDA) iaitu:

- (i) FELDA (Kg) Pasak;
- (ii) FELDA (Kg) Air Tawar 2;
- (iii) FELDA (Kg) Air Tawar 3;
- (iv) FELDA (Kg) Aping Timur.

Bagi yang masih lagi JKKR di bawah FELDA ialah:

- (i) FELDA Lok Heng Barat;
- (ii) FELDA Lok Heng Timur;

- (iii) FELDA Lok Heng Selatan;
- (iv) FELDA Bukit Waha;
- (v) FELDA Simpang Waha;
- (vi) FELDA Bukit Easter;
- (vii) FELDA Aping Barat; dan
- (viii) FELDA Tenggara Selatan 1.

Pihak pengurusan ibu pejabat FELDA, Tuan Yang di-Pertua, telah pun mengeluarkan tender menaik taraf dan membaiki Jalan Kampung FELDA Lok Heng Barat pada bulan April yang lalu di mana sesi lawatan tapak telah pun dibuat pada 10 April 2018. Akan tetapi tender tersebut tidak dapat diteruskan atas sebab kedudukan kewangan FELDA kerana perubahan kerajaan. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kali terakhir penyelenggaraan jalan-jalan di Kampung FELDA Lok Heng Barat ini dilakukan ialah 15 tahun yang lalu iaitu tahun 2003.

Memandangkan jumlah penduduk yang ramai di FELDA Lok Heng Barat iaitu 484 Peneroka (seramai 2,904 orang penduduk), amatlah wajar pihak kerajaan membantu meningkatkan taraf infrastruktur (jalan) di kawasan FELDA Lok Heng Barat ini.

Jadi persoalan saya, adakah Yang Berhormat Menteri dapat membantu di dalam meluluskan peruntukan infrastruktur untuk menaik taraf serta membaiki jalan-jalan Kampung di FELDA Lok Heng Barat ini yang telah sekian lama iaitu hampir 15 tahun tidak diselenggarakan? Jadi saya harap ada jawapan penyelesaian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### **2.46 ptg.**

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah menerima kelulusan peruntukan sejumlah RM1 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) untuk menaik taraf jalan-jalan kampung di 317 buah rancangan FELDA di seluruh negara.

Objektif program ini adalah untuk mentransformasikan kawasan rancangan dari segi infrastruktur asas dalam meningkatkan kesejahteraan warga FELDA di seluruh Malaysia iaitu dengan menyediakan akses jalan raya yang terbaik. Tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama lima tahun bermula dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Peruntukan yang telah

diluluskan kepada FELDA mengikut tahun adalah sebanyak RM200 juta bagi tahun 2016, RM60 juta bagi tahun 2017 dan RM60 juta bagi tahun 2018.

Semasa pembentangan Belanjawan 2019 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 2 November 2018, sebanyak RM100 juta telah diluluskan bagi tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 67 peratus berbanding peruntukan yang diluluskan pada tahun 2017 dan 2018. Ini menjadikan jumlah peruntukan yang telah diluluskan sehingga kini adalah sebanyak RM420 juta.

Saya ingin menegaskan sekali lagi, walaupun kedudukan fiskal negara amat mencabar, namun sebagai kerajaan yang peduli rakyat, kementerian memberi jaminan bahawa projek-projek yang bersifat *people-centric*, infrastruktur untuk rakyat dan pembangunan sosioekonomi akan diteruskan termasuk di kawasan tanah rancangan FELDA.

Sebagai makluman, sejak tahun 2015, sebanyak sembilan buah rancangan daripada keseluruhan 12 buah rancangan yang berada di bawah Parlimen Kota Tinggi telah diturap semula sama ada sebahagian atau keseluruhan jajaran jalan dengan jumlah kontrak berjumlah RM9.73 juta. Rancangan-rancangan yang terlibat ialah FELDA Air Tawar 2, FELDA Air Tawar 3, FELDA Bukit Aping Timur, FELDA Lok Heng Timur, FELDA Lok Heng Selatan, FELDA Bukit Waha, FELDA Simpang Waha, FELDA Bukit Easter dan FELDA Tenggara Selatan 1.

Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi, FELDA telah mengeluarkan satu tawaran untuk kerja menaik taraf dan membaiki jalan kampung di FELDA Lok Heng Barat melalui Tender Terbuka bernombor rujukan PF 23/18 yang telah diiklankan pada 5 April 2018 dan ditutup pada 2 Mei 2018. Namun, lanjutan daripada surat arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018 berkaitan Penambahbaikan Tadbir Urus dan Pelaksanaan Perolehan Kerajaan, tender-tender yang belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) perlu ditangguhkan pelaksanaannya.

#### ■1450

Namun, selaras dengan keputusan kerajaan agar kategori projek mengikut keutamaan yang memberikan manfaat terus kepada rakyat diteruskan, proses tender semula bagi menaik taraf jalan kampung FELDA Lok Heng Barat dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 2019, berita baik, menggunakan peruntukan yang telah disediakan seperti mana Belanjawan 2019 tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi kerana menjawab dan jawapan bertulis akan

diberikan kepada Yang Berhormat . Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis, 15 November 2018.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.51 petang]***